



BICARA EKSKLUSIF

Kesedaran bayar zakat



Derita penduduk flat akibat lif rosak



DBKL sediakan lokasi baharu lebih selesa, kemas di Jalan Raja untuk tarik lebih ramai pengunjung

Bazar Ramadan diteruskan



LOKASI baharu Bazar Ramadan di Jalan Raja akan menampilkan gerai yang lebih kemas berbanding ketika ia beroperasi di Lorong Tuanku Abdul Rahman (gambar kecil) sebelum ini.

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) meneruskan tradisi Bazar Ramadan apabila mengumumkan gerai jualan sepanjang bulan puasa itu pada Mei nanti dipindahkan ke lokasi baharu di Jalan Raja iaitu berhadapan Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur.

Ia merangkumi jarak 0.2 kilometer dengan lebar 12 meter. Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan berkata, melalui langkah tersebut, operasi bazar Ramadan yang sebelum ini dijalankan di Lorong Tuanku Abdul Rahman (TAR) dan Jalan Masjid India bakal memberikan keselesaan kepada peniaga serta

pengunjung selain menikmati kawasan yang lebih luas.

Beliau berkata, lokasi bazar Ramadan itu bermula dari lampu isyarat persimpangan Jalan Gereja hingga ke lampu isyarat persimpangan Leboh Pasar Besar.

Bazar Ramadan tersebut hanya melibatkan perniagaan barangan pakaian, perhiasan dan aksesori diri, perhiasan dan aksesori rumah, makanan kering berbungkus dan barangan atau peralatan kering.

LAPORAN PENUH DI MUKA 2

Gerei jualan dipindah ke Jalan Raja, berdepan Bangunan Sultan Abdul Samad

Bazar Ramadan tahun ini lebih selesa

Oleh NAZWIN NAZRI
winwilayahku@gmail.com
Foto NAZIRUL ROSELAN

PUTRAJAYA - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menamatkan persoalan berkaitan kedudukan Bazar Ramadan yang sebelum ini dikatakan mahu dipindahkan apabila mengemukakan operasi perniagaan tersebut bakal diletakkan di lokasi baharu di Jalan Raja iaitu berhadapan Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur.

Ia merangkumi jarak 0.2 kilometer dengan lebar 12 meter. Melalui langkah tersebut, operasi bazar Ramadan yang sebelum ini secara tradisinya dijalankan di Lorong Tuanku Abdul Rahman (TAR) dan Jalan Masjid India bakal memberikan keselesaan kepada peniaga dan pengunjung selain kawasan yang lebih luas berbanding sebelumnya.

Difahamkan gerai bazar Ramadan yang bakal disediakan nanti juga akan lebih kemas sekali gus dapat dijadikan sebagai salah satu tarikan pelancong di ibu kota.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan ketika mengumumkan perkara itu berkata, lokasi bazar Ramadan itu bermula dari lampu isyarat persimpangan Jalan Gereja hingga ke lampu isyarat persimpangan Leboh Pasar Besar.


"Sepanjang operasi bazar Ramadan itu, kenderaan awam masih boleh melalui Jalan Raja kerana sebahagian jalan itu akan dibuka untuk laluan kenderaan.

"Susun atur petak-petak niaga telah diselaraskan dengan teratur bagi memberi keselesaan kepada peniaga dan pengunjung di samping mengelakkan gangguan lalu lintas," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Menurut Nor Hisham, bazar Rama-



GERAI Bazar Ramadan yang lebih kemas bakal diletakkan di Jalan Raja, Kuala Lumpur



NOR HISHAM

dan tersebut hanya melibatkan perniagaan barangan pakaian, perhiasan dan aksesori diri, perhiasan dan aksesori rumah, makanan kering berbungkus dan barangan atau peralatan kering.

Katanya, kemudahan seperti tandas bergerak juga disediakan bagi memberi keselesaan kepada pengunjung.

Dalam pada itu, mengenai cadangan pembinaan kiosk di sepanjang Jalan TAR pula, beliau memberitahu, perkara itu merupakan sebahagian daripada projek River of Life (ROL) namun ia masih di peringkat kajian.

Justeru katanya, buat masa ini

tiada pemindahan dilakukan membabitkan pasar malam di Lorong TAR dan perbin-cangan akan dilakukan dengan persatuan penaja membabitkan perkara tersebut.

Dalam pada itu, Nor Hisham menyatakan, pelaksanaan penutupan Jalan TAR secara percubaan seperti yang diumumkan sebelum ini akan bermula pada 6 dan 7 April depan iaitu Sabtu dan Ahad.

"Penutupan jalan itu akan diteruskan pada setiap hujung minggu sepanjang bulan April termasuk umum sejajar dengan inisiatif projek ROL yang mahukan kawasan tersek dijadikan laluan pejalan kaki sekali



KEADAAN Bazar Ramadan di Lorong TAR yang sebelum ini berada dalam keadaan sesak.

gus menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar bebas karbon.

"Dalam tempoh itu, anggota penguat kuasa DBKL akan ditempatkan di lokasi bagi membantu kelancaran aliran trafik. Malah papan tanda makluman juga akan dipasang di lokasi strategik," ujarnya.

Penguatkuasaan guna plastik biodegradasi diperluaskan

KUALA LUMPUR - Penguatkuasaan penggunaan plastik biodegradasi diperluaskan ke semua kategori perniagaan termasuk di pasar-pasar borong, penaja, peniaga pasar malam dan pasar raya di seluruh Wilayah Persekutuan.

Penolong Pesuruhjaya Kanan Jabatan Penguatkuasaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Osman Ismail berkata, pada masa ini pihaknya telah memulakan tindakan penguatkuasaan tersebut di pasar borong semasa operasi bersepadu dilaksanakan bersama Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) pada Februari lalu.

Ujarnya, tindakan itu juga sejajar dengan penambahan anggota dan pelaksan-

aan pembahagian zon mengikut kawasan Parlimen bermula awal tahun ini.

"Kita ada tiga zon dengan setiap zon mempunyai 10 anggota penguat kuasa berbanding jumlah keseluruhan tahun lalu iaitu 15 orang.

"Mereka akan melakukan peman-tauan setiap hari dan mengambil tindakan sewajarnya kepada golongan sasaran dan langkah baharu ini lebih efisien serta menyeluruh ke semua lokasi," katanya kepada Wilayahku baru-baru ini.

Menurut Osman, sepanjang tahun lalu, golongan peniaga seperti penaja sering menggunakan alasan bahawa mereka tidak tahu tentang pelaksan-

aan atau arahan penggunaan produk biodegradasi.

Justeru, ujarnya, penguatkuasaan kali ini lebih kepada memberi kesedaran dan berkempen tentang penggunaan produk biodegradasi tersebut.

Osman memberitahu, berdasarkan statistik penguatkuasaan sehingga 7 Mac lalu, sebanyak 57 notis kompaun dikeluarkan daripada 119 premis yang disiasat di bawah Seksyen 25 (1) (e) Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Ujar beliau, jumlah tersebut dijangka meningkat berbanding tahun lalu yang mencatatkan 101 notis kompaun daripada 434 premis yang disiasat bagi kesalahan sama.



Zaiton sebatikan dengan dunia buku

Oleh **AZLAN ZAMBRY**
azlanwilayahku@gmail.com

TANGGUNGJAWAB yang diamanahkan untuk membawa acara berprestij, Ibu Kota Buku Dunia ke Kuala Lumpur merupakan antara perkara yang paling berharga buat Zaiton Abu Samah, 58, yang merupakan Ketua Bahagian Harta Intelek Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Ketika ini seluruh rakyat negara ini terutamanya masyarakat ibu kota tidak sabar lagi menanti aktiviti-aktiviti yang bakal diisi pada program Ibu Kota Buku Dunia Kuala Lumpur 2020 (WBCKL 2020).

Zaiton yang juga salah seorang orang kuat Sekretariat WBC Kuala Lumpur 2020 berkata, penglibatan dan usaha berpasukan bersama-sama rakan sekerja di DBP dan pertubuhan berkaitan perbukuan yang berusaha bertungkus-lumus sehingga berjaya menyakinkan pihak Pertubuhan Pendidikan, Kebudayaan dan Sainifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) memilih Kuala Lumpur sebagai tuan rumah ibu kota buku dunia.

Kejayaan itu merupakan hadiah paling bermakna buat Zaiton menjelang persaraannya daripada DBP tidak lama lagi setelah berkhidmat dengan agensi tersebut sejak tahun 1986.

Zaiton menceritakan, kejayaan tersebut lebih manis kerana Kuala Lumpur berjaya 'mengalahkan' St. Petersburg, Russia, Nanjing, China dan sebuah lagi bandar raya di Turki ketika proses bidaan.

"Pasukan kami bertungkus-lumus selama 10 bulan dan akhirnya usaha tersebut memberikan pulangan ber-

baloi apabila Kuala Lumpur disahkan memenangi bidaan tersebut.

"Sejak Jun 2017, kami bertemu dan berbincang serta melakarkan pelan sehingga ada kalangan ahli sekretariat dihantar ke beberapa bandar raya seperti Athens, Incheon, Bangkok dan New Delhi untuk mendapatkan maklumat tambahan yang boleh dimasukkan ke dalam dokumen pembidaan. Akhirnya secara rasmi kami berjaya menghantar dokumen tersebut pada 15 Mac 2018 pada pukul lima pagi," ceritanya.

Zaiton yang merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Sebaran Am (Kewartawanan) dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) turut menghasilkan ratusan artikel dalam majalah dan akhbar selain aktif menulis cerpen dan puisi.

"Saya tidak mempunyai sebarang hobi melainkan menulis. Sehingga kini saya berjaya hasilkan buku terjemahan, kompilasi tulisan saya dalam majalah dan kompilasi cerpen peserta Minggu Penulis Remaja," katanya yang juga lulusan Sarjana Sains Sosial.

Ibu kepada lima anak ini berkata, dia akan terus menulis untuk menyumbang sesuatu kepada masyarakat.

"Saya juga akan mempelajari teknik penulisan buku kanak-kanak dan berkongsi ilmu dengan golongan kanak-kanak supaya menjadi insan berguna," katanya.

Zaiton turut menasihati generasi muda agar sentiasa bersedia dengan tanggungjawab yang bakal dipikul.

"Saya bersyukur mendapat suami yang memahami tugas saya yang kadang-kala perlu bekerja pada hari minggu dan lewat malam serta banyak ke luar daerah dan ke luar negara," katanya.



ZAITON ABU SAMAH

“ Saya juga akan mempelajari teknik penulisan buku kanak-kanak dan berkongsi ilmu dengan golongan kanak-kanak supaya menjadi insan berguna ”



ZAITON bergambar bersama wakil UNESCO, Ian Denison.



Lima premis urut tawar seks disita, bekalan air dipotong

KUALA LUMPUR - Taktik mengunci pintu premis yang menawarkan khidmat seks dan menggunakan laluan belakang bagi mengelakkan tindakan undang-undang tidak berhasil apabila kegiatan tersebut berjaya dihidu pihak berkuasa.

Ekoran itu, kesemua premis yang bersebelahan di sebalik khidmat spa yang diserbu di sekitar Kepong baru-baru ini disita dan diarahkan tutup manakala sebuah lagi premis dipotong bekalan air kerana melanggar peraturan yang ditetapkan serta tidak mempunyai lesen perniagaan.

Tindakan tersebut diambil dalam operasi melibatkan anggota penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Syarikat Bekalan Air Selangor yang berlangsung kira-kira dua jam bermula pukul empat petang.

Ketua Operasi Op Bah 2.0 (Siri 10),



OSMAN menampal notis penyitaan ke atas sebuah premis urut dalam Ops Bah 2.0 (Siri 10) di Kepong baru-baru ini.

Osman Ismail berkata, kelima-lima premis itu didapati beroperasi tanpa lesen dan pernah dikenakan tindakan penyitaan pada tahun lalu.

"Walaupun pernah diserbu dan disita sebelum ini, perniagaan tidak bermoral itu masih diteruskan di premis yang sama. Oleh itu, tindakan tegas termasuk sita dan memotong bekalan air turut dilakukan.

"Hasil serbuan itu juga, pihak DBKL memecahkan sekatan tiga premis di bawah Seksyen 79 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan Seksyen 101(1)(v) Akta Kerajaan Tempatan 1976," katanya.

Osman memberitahu, pihaknya turut mengeluarkan enam notis di bawah UUK 5(1) Undang-Undang Kecil Iklan (WPKL) 1982 dan UUK 3(1) Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (WPKL) 2016.